



**KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA  
MALAYSIA**

# **GARIS PANDUAN PENDAFTARAN PROGRAM KAMPUNGSTAY**



## **1. LATAR BELAKANG PROGRAM KAMPUNGSTAY**

- a) Kampungstay merupakan salah satu produk pelancongan yang berpotensi di kawasan luar bandar. Program ini merupakan sebuah inisiatif di bawah Pelan Induk Pelancongan Luar Bandar yang bertujuan untuk meningkatkan penyertaan masyarakat luar bandar di dalam sektor pelancongan. Pelaksanaan Kampungstay ini juga merupakan kesinambungan daripada pelaksanaan Program Homestay di Malaysia.
- b) Kampungstay merupakan satu bentuk pengalaman di mana para pelancong disediakan dengan kemudahan penginapan tetapi tidak tinggal bersama dengan tuan rumah. Walau bagaimanapun para pelancong masih berpeluang untuk berinteraksi serta mengikuti aktiviti seharian masyarakat kampung dan kebudayaan mereka. Rumah yang disediakan tersebut dilengkapi dengan kemudahan asas untuk keselesaan pelancong dan bercirikan kehidupan masyarakat kampung.

## **2. OBJEKTIF**

- (i) menyediakan alternatif kemudahan penginapan berkonsepkan kampungstay dimana pelancong tidak tinggal bersama tuan rumah;
- (ii) memberi pilihan kepada pelancong untuk memilih jenis penginapan yang bersesuaian mengikut keselesaan;
- (iii) menyediakan pengalaman unik kepada para pelancong yang tinggal di kampung serta mengalami kehidupan dan kebudayaan masyarakat kampung;
- (iv) menggalakkan penyertaan penduduk di kawasan kampung di dalam industri pelancongan agar dapat meningkatkan pendapatan serta taraf hidup masyarakat kampung;
- (v) menampung kekurangan penginapan homestay sedia ada; dan

- (vi) memberikan peluang kepada homestay sedia ada yang berjaya di kawasan kampung bagi mengembangkan perniagaan dan menambah pendapatan mereka.

### 3. SYARAT – SYARAT PERMOHONAN:-

- (i) merupakan peserta Program Pengalaman Homestay Malaysia yang telah berdaftar dengan Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia;
- (ii) Sekiranya pemohon adalah ahli Koperasi, **MESTILAH** didaftarkan di bawah **Suruhanjaya Koperasi Malaysia** dan **pendaftaran Kampungstay** hanya melibatkan **peserta homestay berdaftar dengan MOTAC**;
- (iii) setiap permohonan pendaftaran hendaklah **TIDAK MELEBIHI SEPULUH (10) BUAH BILIK PENGINAPAN**;
- (iv) mempunyai kemudahsampaian dari segi perhubungan dan pengangkutan atau *accessibility*;
- (v) menjamin tahap kebersihan dan mempunyai ciri-ciri keselamatan yang optimum;
- (vi) sentiasa melaksanakan penyelenggaraan rapi ke atas rumah dan kemudahan asas yang disediakan bagi memastikan keselamatan, kebersihan persekitaran dan keselesaan pelancong terjamin;
- (vii) pengusaha mempunyai sikap *act and think tourism*; dan
- (viii) melibatkan aktiviti-aktiviti ekonomi dan kebudayaan setempat seperti tarian, muzik, nyanyian, masakan, lawatan ke tapak-tapak bersejarah/warisan dan tempat tumpuan pelancong.

#### **4. DOKUMEN YANG DIPERLUKAN:**

- a) Salinan Kad Pengenalan;
- b) Borang Pendaftaran Program Kampungstay;
- c) Sijil Pendaftaran Koperasi (jika berkaitan)
- d) Salinan Sijil Pendaftaran Peserta Program Pengalaman Homestay Malaysia; dan
- e) Gambar-gambar terkini Kampungstay (luar dan dalam premis).

#### **5. TATACARA PERMOHONAN**

Permohonan hendaklah dikemukakan secara **manual** menggunakan borang seperti **Lampiran A** dan dihantar ke Pejabat Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia mengikut Negeri masing-masing seperti di **Lampiran B**.

#### **6. CARTA ALIR PERMOHONAN PROGRAM KAMPUNGSTAY**

Seperti di **Lampiran C**.

#### **7. TIADA FI PENDAFTARAN YANG PERLU DIBAYAR**

#### **8. SIJIL PENDAFTARAN**

- a) Sijil akan dikeluarkan dan dicetak atas nama dan alamat Kampungstay yang dipohon setelah permohonan diluluskan.
- b) Mempamerkan plak Kampungstay yang mudah dilihat oleh tetamu dengan menggunakan kod QR.
- c) Sijil pendaftaran hanya akan dikeluarkan setelah ditandatangani oleh Ketua Setiausaha Kementerian.

#### **9. KEHILANGAN SIJIL**

Pemohon perlu mengemukakan surat rasmi beserta justifikasi bagi tujuan pengeluaran sijil gantian.

## **10. PERTUKARAN PESERTA KAMPUNGSTAY**

- a) Pemohon perlu mengemukakan surat rasmi sebagai makluman pertukaran peserta Kampungstay.
- b) Tidak perlu pendaftaran baru.
- c) Sijil pendaftaran baru akan dikeluarkan kepada peserta selepas mendapat kelulusan Kementerian.

## **11. PIAGAM KELULUSAN PERMOHONAN PENDAFTARAN:**

20 hari bekerja dari tarikh permohonan lengkap diterima.

## **12. TARIKH KUATKUASA**

20 Jun 2019

Bahagian Pembangunan Industri  
Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia

Catatan : Garis Panduan ini adalah tertakluk kepada penambahbaikan dari semasa ke semasa.



KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN  
BUDAYA MALAYSIA



**KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA MALAYSIA**  
**BORANG PENDAFTARAN PROGRAM KAMPUNGSTAY**

**GAMBAR**

**A. MAKLUMAT PEMOHON**

1. Nama Penuh (Sila gunakan huruf besar):

2. Alamat Penuh:

3. No. K/P:

4. No. Tel / Telefon Bimbit : ..... Email: .....

Laman web/FB : .....

5. Status Pemohon dalam Homestay : Aktif / Tidak Aktif

Nama Homestay Berdaftar dengan MOTAC : .....

*\* Mohon sertakan salinan sijil pendaftaran peserta Program Homestay.*

**B. MAKLUMAT BILIK PENGINAPAN KAMPUNGSTAY**

Bil.	Jenis Bilik (single/twin sharing/dormitory)	Jumlah Bilangan katil	Kemudahan Tandas		Kemudahan asas yang disediakan dalam bilik (sila nyatakan)
			<i>attached</i>	berasingan	
1					
2					
3					
4					
5					
6					
7					
8					
9					
10					

**C. KEMUDAHAN & PERKHIDMATAN YANG DISEDIAKAN DALAM KAMPUNGSTAY :**

Kemudahan	Sila Tandakan (✓ atau X)	Catatan
Ruang tamu		
Alat hawa dingin		
Kipas		
TV		
<i>First-aid kit</i>		
Pemadam Api		
WiFi		
Dapur		
Petunjuk Arah Kiblat		
Kaunter Pendaftaran Masuk		

*\* Mohon sertakan gambar setiap bilik, kawasan luar, kemudahan dan perkhidmatan yang disediakan oleh Kampungstay.*

**D. MAKLUMAT MENGENAI HUBUNGAN DENGAN AGENSI PELANCONGAN**

Adakah tuan/puan mempunyai hubungan dengan mana-mana agensi pelancongan?  
Jika ada, sila nyatakan nama, alamat syarikat tersebut:

.....  
.....

**E. TARIKAN/AKTIVITI HOMESTAY YANG DI PAKEJKAN DENGAN KAMPUNGSTAY TERLIBAT:**

- |                         |                          |                |
|-------------------------|--------------------------|----------------|
| Tempat bersejarah       | <input type="checkbox"/> | Sila Nyatakan: |
| Tempat rekreasi         | <input type="checkbox"/> | Sila Nyatakan: |
| Tarikan semulajadi      | <input type="checkbox"/> | Sila Nyatakan: |
| Acara/Pesta Pelancongan | <input type="checkbox"/> | Sila Nyatakan: |
| Kegiatan Kebudayaan     | <input type="checkbox"/> | Sila Nyatakan: |
| Pertubuhan Kebudayaan   | <input type="checkbox"/> | Sila Nyatakan: |
| Lain-lain               | <input type="checkbox"/> | Sila Nyatakan: |

**F. PENGAKUAN**

Saya ..... No. KP  
..... dengan sesungguhnya mengaku bahawa:

1. Saya adalah:
  - a. bebas daripada penyakit berjangkit seperti batuk kering (tuberculosis), penyakit kusta, AIDS, siplis dan sebagainya.
  - b. bebas daripada tindakan Mahkamah yang berkaitan dengan jenayah-jenayah seperti rompakan, mencuri dan sebagainya.
2. Kenyataan yang terkandung di dalam borang permohonan ini dan dokumen-dokumen yang dilampirkan adalah benar sepanjang pengetahuan dan pendapat saya.
3. Saya telah membaca serta memahami dan bersetuju untuk mematuhi syarat-syarat yang dikenakan seperti yang terkandung di dalam garis panduan ini. Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia berhak untuk membatalkan pendaftaran saya jika didapati melanggar syarat-syarat yang dimaksudkan.

**Ditandatangani dan dibuat pengakuan oleh saya yang tersebut diatas:**

<b>Tandatangan Pemohon</b>	<b>No. Kad Pengenalan</b>	<b>Tarikh</b>
.....	.....	.....



**Pengarah**

**Pejabat Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia Negeri Perlis**

No.51 & 53, Persiaran Putra Timur

02000 KUALA PERLIS

**PERLIS**

Tel : 04-985 3701

Faks : 04-985 2373

**Pengarah**

**Pejabat Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia Negeri Kedah**

Kompleks Pelancongan Negeri Kedah

Seksyen 20, Jalan Raja

05000 ALOR SETAR

**KEDAH DARUL AMAN**

Tel : 04-735 1030 / 732 8296 / 730 8794

Faks : 04-732 7914 / 04-732 7614

**Pengarah**

**Pejabat Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia Negeri Pulau Pinang**

No.11 Lebuhr Pantai,

10300 George Town

**PULAU PINANG**

Tel: 04-2620202

Faks: 04-2631020

**Pengarah**

**Pejabat Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia Negeri Perak**

No.7 & 9, Jalan Medan Istana 3

Bandar Ipoh Raya

30000 IPOH

**PERAK DARUL RIDZUAN**

Tel : 05-255 0413 / 05-255 0414

Faks : 05-253 6027

**Pengarah**

**Pejabat Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia Negeri Selangor**

Aras 15-03, Wisma Sunwaymas

Jalan Tengku Ampuan Zabedah C9/C, Seksyen 9

40000 SHAH ALAM

**SELANGOR DARUL EHSAN**

Tel : 03-5511 1122 / 5510 8816

Faks : 03-5513 1199 / 5513 1399

**Pengarah**

**Pejabat Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia Negeri Melaka**

Aras 1, Kompleks Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya

Lebuh Ayer Keroh

**75450 MELAKA**

Tel : 06-231 8200

Faks : 06-231 1400

**Pengarah**

**Pejabat Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia Negeri Sembilan**

No.19, Jalan Durian Emas 3

Betaria Business Complex

Jalan Dato' Siamang Gagap

70400 SEREMBAN

**NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS**

Tel : 06-765 9870 / 9871 / 9869 / 9818

Faks : 06-762 8540

**Pengarah**

**Pejabat Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia Negeri Johor**

Aras 2 Kiri, Wisma PERKESO

Jalan Susur 5 Off Jalan Tun Abdul Razak, Larkin,

80200 Johor Bahru

**JOHOR DARUL TAKZIM**

Telefon : 07- 2233 171

Faks : 07- 2263 171

**Pengarah**

**Pejabat Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia Negeri Kelantan**

Kampung Kraf tangan, Jalan Hilir Balai

15300 KOTA BHARU

**KELANTAN DARUL NAIM**

Tel : 09-741 2400

Faks : 09-744 6672

**Pengarah**

**Pejabat Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia Negeri Terengganu**

Lot 5116 & 5117 (Hadapan Istana)

Jalan Masjid Abidin

20100 KUALA TERENGGANU

**TERENGGANU DARUL IMAN**

Tel: 09-626 2946 / 4946 /631 8840 /8839

Faks : 09-626 1946

**Pengarah**

**Pejabat Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia Negeri Pahang**

B 8006, Tingkat 1-3  
Seri Kuantan Square  
Jalan Teluk Sisek  
25000 KUANTAN

**PAHANG DARUL MAKMUR**

Tel : 09-517 1111/09-517 1112  
Faks : 09-514 6900

**Pengarah**

**Pejabat Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia Negeri Sarawak**

Aras 3, Bangunan Sultan Iskandar  
Jalan Simpang Tiga  
93300 KUCHING

**SARAWAK**

Tel : 082-235 033  
Faks : 082-234 010

**Pengarah**

**Pejabat Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia Negeri Sabah**

Lot 2-5-8,9,10,11 dan 24  
Tingkat 4, Wisma San Hin Wawasan Plaza  
Lorong Wawasan Plaza  
88000 KOTA KINABALU

**SABAH**

Tel : 088-269 711/712/710  
Faks : 088-269 713

**Pengarah**


**Pejabat Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia WP Labuan**

Kompleks Sukan Laut Antarabangsa Labuan  
Peti Surat 80753

**87008 WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN**

Tel : 087-422 600  
Faks : 087-419 622

**CARTA ALIRAN BAGI PROSES PENDAFTARAN KAMPUNGSTAY**



**Catatan :**

- Pemeriksaan semula kampungstay akan dilaksanakan selepas penambahbaikan dibuat oleh peserta.